

Ruj. Kami: MBPJ/090100/T/A6/2/JLD12 (46)  
Tarikh: 11Julai 2014

## KENYATAAN AKHBAR

### MBPJ PRAKTIK BAZAR RAMADAN MAMPAN

Sempena dengan sambutan Bulan Ramadan Al-Mubarak, Majlis Bandaraya Petaling Jaya telah menyediakan 20 lokasi tapak Bazar Ramadan yang menawarkan 1652 lot bermiaga di seluruh kawasan Petaling Jaya berasaskan kepada konsep “sustainable bazaar”. Bazar Ramadan merupakan satu tradisi tahunan bagi memenuhi keperluan penduduk membeli juadah berbuka puasa di samping menyediakan peluang bermiaga kepada peniaga-peniaga kecil.

**Bazar Ramadan Jalan Teknologi 3/6A, Kota Damansara** merupakan tahun kedua di mana bazar ramadan ini di adakan di tapak yang sama. Kawasan ini menempatkan seramai 106 peniaga. Kawasan ini dikekalkan kerana mendapat sambutan yang baik dari para pengunjung pada tahun lepas. Di samping itu tapak bazar ini tidak menimbulkan masalah, kacauanggu, kesesakan lalulintas, penyakit berjangkit dan hak-hak penduduk setempat.

Bagi **lokasi di SS6/1, Kelana Jaya** ini merupakan lokasi yang mendapat sambutan di mana petak yang disediakan sebanyak 250 petak dan yang telah dilesenkan adalah sebanyak 245 petak.

Konsep **“sustainable bazaar”** di perkenalkan adalah selaras dengan **visi majlis iaitu menjadikan Petaling Jaya sebuah Bandaraya Berdaya huni menjelang tahun 2013**. Di bawah konsep ini, aspek-aspek seperti kebersihan, sosial, alam sekitar dan kerohanian di beri fokus.

**Skim penyusunan** semula mengikut jenis-jenis jualan yang **di bahagikan mengikut kumpulan iaitu makanan, kuih muih, makanan bakar atau bergoreng dan minuman telah di laksanakan**. Melalui penyusunan petak ini, ia dapat menjimatkan masa pengguna untuk mencari juadah dan membantu mengurangkan pencemaran. Majlis berharap melalui penyusunan semula petak ini juga yang mengkhususkan juadah, ianya dapat mengurangkan kesesakan lalulintas, meningkatkan kebersihan dan harga yang lebih kompetatif.

Majlis turut mengadakan **promosi** bagi menggalakkan pengunjung **membawa bekas guna semula** bagi mengurangkan penggunaan beg plastik dan polistirin dalam strategi Majlis mewujudkan **“a clean, green and efficient city”**.

Bagi meningkatkan **kesedaran 3R dan pemeliharaan alam sekitar**, sebanyak 1000 manguk tingkat akan di edarkan di 20 lokasi bazar Ramadan. Ini merupakan usaha Majlis bagi mendidik para peniaga dan pengunjung tentang pentingnya menjaga alam sekitar.

Menurut kajian United Nation Food and Agriculture Organisation, sebanyak 1.3 billion tan sisa makanan di buang di dunia setiap hari. Hampir 50% daripada makanan yang seharusnya di makan tetapi tidak di makan dan di buang setiap hari sebagai sifat yang tidak berhemah. Ketika bulan Ramadan, kita seharusnya insaf dan seharusnya kita mengelakkan diri daripada tabiat pembaziran makanan ini.

Majlis turut menekankan tentang “**sustainable shopping tips**” kepada pengunjung agar lebih berhemah dan *environmentally friendly choices* kerana ianya dapat merubah keadaan seperti :-

- 1) Di antaranya *buy local food*. Belilah barang tempatan. Fikirlah berapa lama jangkamasa yang di ambil untuk sampai ke rumah.
- 2) Gunalah bahan-bahan yang kitar semula. Contoh beg kertas, bawa bakul, bekas makanan dan lain-lain
- 3) *The less packing the better*. Mengurangkan bahan buangan kerana “*landfills*” akan mengeluarkan bilangan methane yang besar dan mengalakkan pengeluaran “*greenhouse gas*” yang boleh membawa perubahan
- 4) Pilihan “*biodegradable cleaning product*”. Ini kerana dapat mengurangkan negative impact terhadap alam sekitar selepas penggunaannya.
- 5) Berfikir sebelum membeli or “*think before you buy*”. Di antaranya hindarkan daripada “*disposable product*” dan guna bekas makan yang boleh di kitar semula.
- 6) *Buy only what you're going to eat.*

Dari segi kebersihan diri pula, pada tahun ini, MBPJ bersama-sama **pihak Unilever Food Solution mengadakan pemberian apron dan juga topi** secara percuma serta kursus penjimatan kos dalam penyediaan makanan kepada peniaga bazar di Petaling Jaya.

Dari segi penguatkuasaan, tahun ini MBPJ akan menempatkan 60 orang anggota yang terdiri daripada Jabatan Kesihatan, Jabatan Penguatkuasaan dan Bahagian Pelesenan MBPJ bagi tujuan pemantauan dan juga pemeriksaan. **Kehadiran MBPJ akan di rasai oleh setiap lapisan masyarakat** di mana setiapnya akan di pantau sekurang-kurangnya 4 kali bagi musim bazar ini.

Para peniaga juga disaran untuk mempamerkan lesen perniagaan dan juga pembantu mestilah mempunyai kad. Para peniaga yang ingkar arahan ini boleh di kenakan kompaun maksima RM 250 dan lesen perniagaan tidak boleh di keluarkan untuk tahun hadapan. Sebanyak 40 kompaun telah di keluarkan atas kesalahan menjaja tanpa lesen, 65 notis berhenti berniaga dan 1 sitaan penjaja tanpa lesen telah di keluarkan pada tahun 2013 di bawah peruntukan Undang-Undang Kecil Penjaja MBPJ 2007.

Pada 29 Jun hingga 1 Julai 2014 sebanyak 57 kompaun penjaja tanpa lesen dan 151 notis halangan khemah dan 1 tindakan sitaan telah dikenakan kepada penjaja yang melanggar peraturan yang telah di tetapkan. 12 kompaun kesalahan aspek kesihatan seperti tiada suntikan TY2, tidak memakai apron dan tiada tong sampah.

Bagi menambahbaik lagi kualiti servis bazar ramadan, seperti tahun-tahun lalu, Majlis sekali lagi mengadakan **Anugerah Peniaga Bazar Ramadan Terbaik** Tahun 2014 yang menawarkan hadiah misteri serta sijil penghargaan sebagai galakan kepada peniaga. Mereka akan dinilai berdasarkan kriteria yang ditetapkan oleh Majlis antaranya kreativiti, mematuhi syarat-syarat kesihatan, pembantu hendaklah warga Negara Malaysia, berniaga di tapak sendiri, mempamerkan lesen perniagaan dan tingkahlaku semasa berniaga.

Adalah menjadi harapan besar Majlis kesemua Bazar Ramadan di kawasan Petaling Jaya akan dijadikan pilihan utama dengan menawarkan barang jualan berjuadah yang berkualiti dalam keadaan persekitaran bersih dan teratur kepada pengunjung.

Dikeluarkan oleh:

**Sekretariat Media  
Unit Perhubungan Awam,  
Majlis Bandaraya Petaling Jaya.**

Laman web: [www.mbpj.gov.my](http://www.mbpj.gov.my), facebook: Petaling Jaya City Council, twitter: pjcitycouncil, emel: media@mbpj.gov.my Tel : 03-79563544 sambungan 203/204, Faks : 03-79582695

**Sebarang pertanyaan atau maklumat lanjut, sila hubungi:Pegawai Perhubungan Awam MBPJ, Puan Zainun bt Zakaria, 019-2239604, [zainun@mbpj.gov.my](mailto:zainun@mbpj.gov.my) atau Penolong Pegawai Perhubungan Awam MBPJ, Ahmad Iskandar b. Mohamad Mukhtar, 017-2046035, [ahmadiskandar@mbpj.gov.my](mailto:ahmadiskandar@mbpj.gov.my)**